



SEBAHAGIAN daripada sukarelawan USIM bersama kanak-kanak Rohingya dari Madrasah Anak-Anak Yatim dan Tahfiz Quran Hashimiah Selayang pada Program Khidmat Komuniti di USIM Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.



SUKARELAWAN USIM memberi bimbingan dan motivasi kepada kanak-kanak Rohingya dari Madrasah Anak-Anak Yatim dan Tahfiz Quran Hashimiah Selayang di USIM Nilai, Negeri Sembilan.

## 35 sukarelawan USIM sertai khidmat komuniti anak Rohingya dari Selayang

SEREMBAN 13 Ogos - Seramai 35 sukarelawan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai Program Khidmat Komuniti bersama-sama 40 kanak-kanak Rohingya dari Madrasah Anak-anak Yatim dan Tahfiz Quran Hashimiah, Selayang, baru-baru ini.

Para sukarelawan itu terdiri daripada para pelajar Fakulti Sains dan Teknologi (FST) universiti berkenaan.

Program yang diadakan di Kolej Kediaman Satu (KK1), USIM itu ber-

tujuan memperkasakan jati diri mahasiswa dengan penglibatan dalam kerja-kerja kemasyarakatan dalam usaha melahirkan graduan Al-Abrar yang berketerampilan dan mempunyai sifat kepimpinan yang sensitif dengan isu masyarakat dan ummah.

Menurut penasihat program, Prof. Madya Dr. Norita Md. Norwawi, program itu adalah salah satu daripada Program Khidmat Komuniti dikenali sebagai iCARE4N9 di bawah pembiayaan Menteri Besar Negeri

Sembilan berjumlah RM15,000.

Beliau yang juga Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Pengurusan Prestasi) FST berkata, program itu juga berbentuk sumbangan khidmat bakti warga USIM kepada masyarakat yang memerlukan bimbingan, motivasi dan sokongan dalam menjalani kehidupan.

"Penglibatan mahasiswa dalam program seperti ini dapat mengasah dan memantapkan bakat kepimpinan mereka dengan menajamkan pemikiran lebih kritis di samping

memperoleh kemahiran kerja berpasukan secara profesional dan beretika.

"Program ini juga mampu membina keyakinan diri mahasiswa di samping keprihatinan dan sensitiviti kepada isu masyarakat sekeliling," katanya.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program itu adalah Tadarus in Happy Circle, Jom Main Permainan Tradisional, Jelajah Bazar Ramadan, iftar dan tarawih di Masjid Putra, Putrajaya serta Trave-

log Sakinah ke KLCC.

Selain itu, aktiviti yang amat menarik adalah Tautan Infaq yang mana anak-anak Rohingya dibawa ke Kenanga Wholesale City (KWC) untuk membeli pakaian baharu hasil sumbangan daripada dermawan.

Sementara itu, pengarah program, Muhammad Miqdam Mohd. Rashid berkata, program itu secara langsung banyak mengajar mereka dalam pengurusan program, skil komunikasi berkesan dan kemahiran insaniah yang mantap.

"Saya berharap program ini dapat diteruskan lagi tidak kira isu apa yang ingin diketengahkan selagi matlamat dan objektif yang sama untuk membela dan membantu mereka yang dalam kesulitan," ujarnya.

Wakil sukarelawan, Riza Asma'a Saari berkata, program seperti itu wajar diteruskan untuk masa akan datang kerana ia mampu memberi manfaat kepada kedua belah pihak iaitu penganjur dan juga anak-anak Rohingya tersebut.